



PELAJAR UMS mengambil gambar kenangan bersama Pegawai Utama UMS. Turut kelihatan Dr. Getrude (tengah belakang) dan Jamal (tiga dari kiri belakang).



SOARING UPWARDS.. Rombongan UMS turut berkesempatan melawat Kedutaan Malaysia di Jakarta.

Program Mobiliti Pelajar: UMS hantar enam pelajar ke UMB Indonesia

NST 15.9.2016 4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) menghantar enam pelajar mengikuti Program Mobiliti Berkredit di Universitas Mercu Buana (UMB), Indonesia baru-baru ini.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Alumni FPP, Dr. Getrude Cosmas berkata, kesemua pelajar yang terlibat merupakan pelajar daripada Program Industri dan Organisasi, Program Pembangunan Belia dan Komuniti serta Program Kanak-kanak dan Keluarga.

"Mereka akan mengikuti program tersebut selama satu semester atau enam bulan sebelum

kembali semula ke UMS," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau yang turut mengetuai rombongan pelajar terbabit ketika berangkat ke Jakarta turut mengongsikan pengalaman apabila disambut mesra oleh pelajar UMB yang pernah mengikuti program yang sama di UMS.

"Saya bersama semua pelajar UMS yang terlibat menerima layanan yang baik dan kami turut diberi taklimat dan penerangan terperinci berkaitan dengan kampus UMB semasa majlis penyerahan pelajar UMS kepada UMB di sana.

"Kami sangat berterima kasih kerana kami

turut dialu-alukan dalam majlis itu oleh enam pegawai utama UMB yang diketuai Wakil Rektor Bidang Kelembagaan dan Sumber Daya, Dr. Purwanto SK," tambah Dr. Getrude.

Para pelajar UMS turut dibawa melawat ke sekitar UMB termasuk ke Fakultas Psikologi, Perpustakaan, Pusat Latihan Pelajar, Pusat Penyelidikan dan beberapa kawasan menarik di kampus berkenaan.

Turut berangkat sama ke UMB Jakarta ialah Penolong Pendaftar FPP, Jamal Atong.

Sementara itu, Dr. Getrude juga berkata, kerjasama yang dijalankan antara UMS-UMB

menerusi program berkredit banyak memberikan peluang kepada pelajar daripada program psikologi untuk mendapatkan pengalaman baharu dan ilmu yang mungkin berbeza dengan persekitaran di UMS.

"Terdapat beberapa kursus psikologi yang tidak ditawarkan di FPP ditawarkan di UMB seperti Psikologi Forensik dan Analisis Kesulitan Belajar," katanya.

Untuk rekod enam pelajar UMS yang terpilih mengikuti program mobiliti itu ialah Chiew Hing Chun, Noor Syazlin Noh, Nurul Nabila Burhanuddin, Dhasni Chander, Ruvina Indran dan Herdanarena Samsuddin.